

CECAWI KELADI
Bronzed Drongo

FAMILI: Dicruridae
NAMA SAINTIFIK: *Dicrurus aeneus*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, saiz relatif yang agak kecil berbanding lain-lain spesies cecawi termasuklah saiz paruh, Warna keseluruhan badan adalah hitam, manakala bahagian atas badan, tekak dan dada yang berwarna biru gelap ke biru kehijauan yang berkilat. Bagi burung juvenil, ia berwarna coklat berjelaga dengan sedikit berkilat pada bahagian atas kepala, belakang, sayap dan bahagian atas dada. Pada musim sejuk pertama, bahagian atas badan kurang berkilat berbanding burung dewasa, bahagian bawah badan yang berkilat adalah tertumpu di bahagian atas dada.

SAIZ

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 22.0 sm-23.5 sm.

TABURAN

Ia merupakan spesies tempatan di utara, timur laut, timur, dan selatan India, Nepal, Bhutan, Bangladesh, tenggara dan selatan China, Taiwan, Sumatera dan Borneo. Di Asia Tenggara, ia merupakan spesies tempatan yang biasa ditemui kecuali tengah Thailand dan Singapura. Di Singapura, ia merupakan spesies tersasar (vagrant) yang terdahulu spesies tempatan.

MAKANAN

Serangga, nektar, burung-burung kecil, reptilia, dan mamalia.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap tanah pamah, pinggir hutan, hutan sekunder, hingga ke ketinggian 2,135 m dari aras laut.

BUNYI

Bunyi siulan jelas yang pelbagai dan menghasilkan bunyi garau.

PEMBAIKAN

Musim membiak adalah dari bulan Mac hingga Julai setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-4 biji telur di dalam sarang yang tergantung dari dahan, 10 m-15 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.